

PENGUMUMAN

BORANG DITETAPKAN DI BAWAH SEKSYEN 83A, ACP 1967

1. Dengan pengenalan seksyen 83A, Akta Cukai Pendapatan 1967 dalam Bajet 2012, syarikat pembayar dikehendaki mengemukakan salinan borang yang ditetapkan (CP58 [2011]) kepada ejen, pengedar atau pengagih tidak lewat daripada 31 Mac 2012. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah menyediakan Borang CP58 [2011] dan akan diedarkan sebaik sahaja Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2011 diwartakan.
2. Di antara maklumat-maklumat yang dikehendaki di dalam borang tersebut ialah :-
 - (i) Maklumat pembayar
 - (ii) Maklumat penerima (pemastautin / bukan pemastautin)
 - (iii) Maklumat bayaran insentif
 - (a) Berbentuk wang tunai
 - (b) Berbentuk bukan wang tunai
3. Bagi tahun 2012, masa yang mencukupi akan diberikan kepada syarikat pembayar untuk melengkapkan maklumat yang dikehendaki dalam Borang CP58 [2011]. Lanjutan masa dibenarkan sehingga 31 Mei 2012.

Penerima dikehendaki melaporkan insentif yang diterima walau pun masih belum menerima salinan Borang CP58 [2011] daripada syarikat pembayar.
4. Lanjutan masa di atas hanya terpakai kepada bayaran bagi tempoh 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011 sahaja.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh : 23 Disember 2012